



KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI
JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI

SIARAN MEDIA

MAJLIS ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG JPPKK 2025 RAI 1,107 PENERIMA

PUTRAJAYA, 15 Mei 2026 – Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK), Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) hari ini menganjurkan Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) Tahun 2025 sebagai tanda penghargaan kepada 1,107 orang warga kerja yang telah menunjukkan prestasi cemerlang, komitmen tinggi serta dedikasi dalam melaksanakan amanah dan tanggungjawab masing-masing. Turut dirai dua (2) orang penerima Pingat Perkhidmatan Cemerlang (PPC) atas sumbangan luar biasa mereka kepada perkhidmatan awam dan sektor pendidikan tinggi.

Majlis yang berlangsung di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC) ini telah disempurnakan oleh YB Dato' Seri Diraja Dr. Zambry Abd Kadir, Menteri Pendidikan Tinggi. Menurut beliau, peranan TVET kini semakin signifikan sebagai pemangkin kepada pertumbuhan ekonomi berpendapatan tinggi serta sebagai penyelesaian kepada isu ketidakpadanan kemahiran (*skills mismatch*). Sehubungan itu, warga Politeknik dan Kolej Komuniti diseru untuk terus berinovasi, memperkukuh kompetensi dan menyesuaikan diri dengan keperluan industri yang sentiasa berubah.

Penganjuran majlis ini merupakan platform penting dalam menghargai sumbangan warga JPPKK yang menjadi tulang belakang dalam memperkukuh sistem pendidikan tinggi negara, khususnya dalam bidang Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET). Majlis ini turut mencerminkan komitmen berterusan JPPKK dalam memupuk budaya kecemerlangan, integriti dan profesionalisme dalam kalangan warga kerja, selaras dengan aspirasi kerajaan untuk memperkasakan TVET sebagai pemacu utama pembangunan negara.

Sementara itu, Dr. Shamsuri bin Abdullah, Ketua Pengarah Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti, dalam ucapannya berkata, “Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang ini

bukan sekadar pengiktirafan terhadap pencapaian individu, tetapi merupakan manifestasi penghargaan terhadap iltizam, dedikasi dan semangat kebersamaan seluruh warga JPPKK dalam memacu kecemerlangan organisasi. Warga Politeknik dan Kolej Komuniti memainkan peranan penting dalam merealisasikan agenda pemerkasaan TVET negara, khususnya dalam melahirkan bakat berkemahiran tinggi yang relevan dengan keperluan industri serta mampu menyumbang kepada pembangunan sosioekonomi negara.”

Beliau turut menekankan bahawa budaya kerja berprestasi tinggi, berintegriti dan berdaya saing perlu terus diperkukuh agar institusi politeknik dan kolej komuniti kekal sebagai institusi TVET pilihan utama yang responsif terhadap perubahan landskap pendidikan dan industri.

Majlis APC ini bukan sahaja mengiktiraf pencapaian individu, malah menjadi pemangkin kepada seluruh warga JPPKK untuk terus meningkatkan prestasi, memperkukuh tadbir urus serta menyumbang secara signifikan kepada pembangunan modal insan negara. JPPKK komited untuk terus memperkasa institusi politeknik dan kolej komuniti sebagai institusi TVET pilihan utama yang relevan, responsif dan mampu memenuhi keperluan industri serta masyarakat.

-TAMAT-

**JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI
KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI
15 MEI 2026**

